

**[LUST ELEMENTS ANALYSIS IN SIGMUD FREUD PSYCHOANALYSIS THEORY  
 AND THE BOOK OF CURES FOR HEART BY AL-MANDILII ]**

**ANALISIS ELEMEN-ELEMEN NAFSU DALAM TEORI PSIKOANALISIS  
 SIGMUND FREUD DAN KITAB PENAWAR BAGI HATI AL-MANDILI**

NURULHIDAYAH WAHAB <sup>1\*</sup>  
 AZLINA ABU BAKAR <sup>2</sup>  
 ABDUL MANAM BIN MOHAMAD <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Pembangunan Sosial Dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu.

<sup>2</sup> Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar, Universiti Malaysia Terengganu

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

\*Corresponding author: [penaislamic@gmail.com](mailto:penaislamic@gmail.com)

Received Date: 7 November 2016 • Accepted Date: 28 January 2017

**Abstract**

*Sigmund Freud in his psychoanalysis theory states that humanis a sexual creature (Ann et al, 2013; Neil et al, 2010; Corey, 2009; Abdul Syakur, 2007; Maghfur, 2011) who craves merely for fun and to minimize pain because lust is basic of mankind (Gregory & Erika, 2012; Azlina, 2005; Freud, 1965). Freud's psychoanalysis theory is the best reference (Maghfur, 2011; Kamarulzaman, 2009; Yatimah & Mohd Tajudin, 2008; Abdul Syakur, 2007; Mahmood Nazar, 1990) and copied blindly among Muslim psychologists (Malik, 1979). Though, there are some elements in psychoanalysis theory have raised confusions among them (Yatimah & Mohd Tajudin, 2008). Some Muslim psychologists have superficial knowledge about content of Kitab Penawar Bagi Hati (KPBH) by al-Mandili make them exclude lust elements in KPBH which equivalent to Freud's psychoanalysis theory. Thus, a library research is conducted in form of analisis content to study the lust elements from both Freud's psychoanalysis theory and KPBH by al-Mandili which are similar and practically applicable for Muslim psychologists. This research limits to lust elements only from both Freud's psychoanalysis theory and KPBH by al-Mandili. The research involves data validation by interviewing the experts, member checking and data cross checking. The finding states that there are some lust elements from Freud that equivalent to KPBH by al-Mandili which are id and libido from unconcious mind and sexual desire from qalb that offers potential of fun and joy. Therefore, there is high expectation that this research could clarify the confusions on Freud's psychoanalysis theory that have been practiced among Muslim psychologists then to convey the works of Nusantara scholars to society in Malaysia as well.*

*Key words: Freud's psychoanalysis, KPBH by al-Mandili, Id, Sexual Desire*

## Abstrak

Sigmund Freud dalam teori psikoanalisisnya menyatakan bahawa manusia adalah makhluk seksual (Ann et al, 2013; Neil et al, 2010; Corey, 2009; Abdul Syakur, 2007; Maghfur, 2011) yang mengidam semata-mata untuk keseronokan dan mengurangkan kesakitan kerana nafsu adalah asas manusia (Gregory & Erika, 2012; Azlina, 2005; Freud, 1965). Teori psikoanalisis Freud adalah rujukan yang terbaik (Maghfur, 2011; Kamarulzaman, 2009; Yatimah & Mohd Tajudin, 2008; Abdul Syakur, 2007; Mahmood Nazar, 1990) dan diambil secara membuta tuli dalam kalangan ahli psikologi Islam (Malik, 1979). Walaupun begitu, terdapat beberapa elemen-elemen yang menimbulkan kekeliruan (Yatimah & Mohd Tajudin, 2008). Sesetengah ahli psikologi Islam mempunyai pengetahuan cetek tentang kandungan Kitab penawar Hati (KPBH) oleh al-Mandili menyebabkan mereka mengasingkan teori nafsu al-Mandili yang bersamaan dengan teori psikoanalisis Freud. Oleh itu, satu kajian penyelidikan perpustakaan dalam bentuk analisis kandungan untuk mengkaji elemen-elemen nafsu dari teori psikologi Freud dan KPBH yang sama dan sesai dipakai oleh ahli psikologi Islam. Penyelidikan ini menghadkan kepada elemen-elemen nafsu dari teori psikoanalisis Freud dan KPBH oleh al-Mandili. Penyelidikan ini melibatkan pengesanan data dengan menemuduga pakar, pemeriksaan ahli, dan juga pemeriksaan silang data. Penemuan kajian adalah terdapat beberapa elemen nafsu dari Freud yang bersamaan dengan KPBH al-Mandili iaitu id dan libido dari minda bawah sedar dan keinginan seks dari qalb yang menawarkan keseronokan dan kegembiraan. Oleh itu, terdapat harapan yang tinggi bahawa kajian ini dapat menjelaskan kekeliruan mengenai teori psikologi Freud yang telah diamalkan di kalangan ahli psikologi Islam seterusnya dapat menyampaikan karya-karya ulama-ulama Nusantara kepada masyarakat Malaysia juga.

**Kata kunci:** Psikolanalisis Freud, KPBH oleh al-Mandili, Id, Keinginan Seksual.

**Cite as:** Nurulhidayah Wahab, Azlina Abu Bakar, Abdul Manam Bin Mohamad. 2017. Analisis Elemen-Elemen Nafsu Dalam Teori Psikoanalisis Sigmund Freud Dan Kitab Penawar Bagi Hati Al-Mandili. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 14(1): 43-55.

## PENGENALAN

Bapa psikologi barat, Sigmund Freud dan teori psikoanalisis menjadi rujukan seluruh dunia dan terkenal dalam kalangan ahli psikologi kaunseling (Maghfur, 2011; Kamarulzaman, 2009; Yatimah & Mohd Tajudin, 2008; Abdul Syakur, 2007; Mahmood Nazar, 1990) sebagai satu fahaman terpenting yang dipelopori ilmu psikologi di barat dan di dunia Islam yang belum pupus sampai sekarang (Sapora & Ruhaya, 2012; Sapora & Ruhaya, 2011; Maghfur, 2011; Rohana, 2010; Abdul Syakur, 2007; Azlina, 2005; Shahabuddin & Rohizani, 2002). Teori ini juga menjadi rujukan utama seluruh dunia dan dijadikan perbincangan serta penyelidikan pada peringkat antarabangsa bahkan diterbitkan dalam pelbagai jurnal (Dennis & John, 2011; Corey, 2009; Azlina, 2005).

Nafsu adalah faktor *survival* yang membolehkan manusia tertarik kepada sesuatu yang bertujuan untuk meneruskan kelangsungan hidup di muka bumi. Berbicara berkenaan nafsu, Freud dalam teori psikoanalisisnya menjadikan nafsu sebagai asas penting kepada manusia untuk meneruskan hidup (Gregory & Erika, 2012; Freud, 1965) sehinggakan manusia menurut Freud adalah makhluk seksual (Ann et al., 2013; Neil et al., 2010; Corey, 2009; Abdul Syakur, 2007; Maghfur, 2011). Nafsu juga dikenali sebagai libido atau id adalah satu bentuk tenaga dalaman yang wujud dalam diri kanak-kanak sejak dilahirkan. Tambahan pula, ianya adalah

elemen asas kepada pembentukan personaliti untuk memaksimumkan keseronokan dan meminimumkan kesakitan (Dennis & John, 2012; Gregory & Erika, 2012; Azlina, 2005; Freud, 1965).

Persoalan berkenaan nafsu juga turut dibincangkan dan menjadi perkara penting dalam kajian tasawuf dan dijelaskan secara panjang lebar oleh al-Ghazali (Fariza, Salasiah Hanin, & Mohd Jurairi, 2013; Zaini et al., 2004). Kekeliruan telah berlaku dalam kalangan ahli psikologi Islam terhadap pendekatan teori yang diaplikasi kerana aspek perbincangan dalam psikoanalisis Freud dan huraian al-Ghazali dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* mempunyai persamaan tetapi tidak berdasarkan kepada akidah tauhid (Yatimah & Mohd Tajudin, 2008).

Namun, sebahagian ahli psikologi kaunseling Islam tidak mengetahui bahawa Kitab Penawar Bagi Hati (KPBH) al-Mandili telah mengetengahkan konsep nafsu yang setara dengan psikoanalisis Freud kerana kurang arif berkenaan kandungan KPBH. Sehubungan itu, artikel ini menganalisis elemen nafsu dalam teori psikoanalisis Sigmund Freud dan KPBH al-Mandili yang sesuai digunakan oleh ahli psikologi kaunseling Islam dalam rawatan jiwa. Kajian analisis ini juga dapat membantu mengatasi masalah kekeliruan dalam kalangan ahli psikologi Islam berkenaan elemen yang dikaji. Selain itu, kajian analisis elemen nafsu dalam teori psikoanalisis Sigmund Freud dan KPBH al-Mandili yang sesuai digunakan oleh ahli psikologi kaunseling Islam dalam rawatan jiwa merupakan kajian yang pertama di Malaysia.

## METODE PENELITIAN

Artikel yang menggunakan metode kualitatif ini berbentuk analisis kandungan (*content analysis*) memfokuskan kepada analisis kandungan pelbagai penerbitan antarabangsa, artikel-artikel jurnal, penulisan akademik dan pangkalan data komputer (Ahmad Sunawari, 2005; Krippendorff, 2004; Sidek, 2002) berkenaan elemen-elemen nafsu teori psikoanalisis Sigmund Freud dan Kitab Penawar Bagi Hati al-Mandili.

### 1. Pengumpulan Data

Data kualitatif yang berbentuk deskriptif adalah kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Alan, 2004; Rohana, 2003; Taylor & Bogdan, 1984). Sehubungan itu, data kualitatif yang dikaji adalah berkenaan elemen-elemen nafsu yang mana ianya sesuai menggunakan instrumen berbentuk analisis kandungan (Sekan & Bougie, 2010; Patton, 1990). Kaedah ini bertujuan memahami makna, konsep, takrifan, ciri-ciri, metafora, simbol dan huraian tentang sesuatu objek, konsep atau situasi (Noraini, 2010; Sabitha, 2005).

Dokumen pula merujuk kepada himpunan, kumpulan bahan atau dokumen yang diterbitkan oleh satu-satu organisasi dan sebagainya (Alan, 2004; Othman, 2001) merupakan sumber maklumat yang sangat berguna dalam penyelidikan kualitatif berbentuk analisis kandungan (Creswell, 2008). Oleh yang demikian, pencarian data kajian adalah melalui dokumen-dokumen yang memfokuskan kepada elemen-elemen nafsu teori psikoanalisis Sigmund Freud dan KPBH al-Mandili

### 2. Analisis Data

Analisis data dilakukan dengan mengaplikasi prosedur analisis kandungandokumen yang dicadangkan oleh MAYRING iaitu kaedah *summary*, *explication* dan *structuring* (Kolbacher, 2006).

### i) Ringkasan (Summary)

Teknik ini dapat meringkaskan isi kandungan (Kolbacher, 2006) teori psikoanalisis Sigmund Freud dan KPBH al-Mandili yang memfokuskan kepada elemen-elemen nafsu. Teknik ringkasan ini diaplikasi pada buku *New Introductory Lectures on Psychoanalysis* (1965) sebagai sumber dokumen asal teori psikoanalisis Sigmund Freud dengan tujuan meringkaskan kandungan dokumen berkenaan elemen-elemen nafsu dalam teori psikoanalisis Sigmund Freud. Selain dokumen asal, artikel-artikel jurnal, penulisan akademik, pengkalan data komputer dan buku-buku juga dirujuk untuk mengenal pasti elemen-elemen kajian. Seterusnya, teknik ringkasan diaplikasikan dalam KPBH al-Mandili. Proses ringkasan data menjurus kepada meringkaskan isi kandungan semua bab KPBH al-Mandili bagi mengenal pasti elemen-elemen nafsu dalam KPBH al-Mandili. Oleh itu, teknik ringkasan ini dapat mengenalpasti elemen-elemen nafsu dalam teori psikoanalisis Sigmund Freud dan KPBH al-Mandili.

### ii) Penjelasan (Explication)

Teknik ini dapat menjelaskan, menerangkan dan menganotasikan data-data yang diperolehi hasil daripada teknik ringkasan (Kolbacher, 2006) untuk mengenalpasti elemen-elemen nafsu yang setara. Teknik ini dapat mengumpul, mengkategorikan data-data berkenaan elemen-elemen nafsu dan menyampaikan hasilnya dalam berbagai bentuk (Sarantakos, 1993).

### iii) Penstrukturan (Structuring)

Teknik penstrukturan merupakan teknik yang paling penting dalam analisis kandungan kerana teknik ini dapat menstruktur data-data mengikut kandungan, bentuk dan skala (Kolbacher, 2006). Data berkenaan elemen-elemen nafsu dalam teori psikoanalisis Sigmund Freud dan KPBH al-Mandili yang jelaskan dan dianotasi daripada teknik penghuraian akan distruktur. Hasil kajian yang diperolehi di bentuk dengan jadual dan gambarajah elemen-elemen nafsu teori psikoanalisis Sigmund Freud dan elemen-elemen nafsu KPBH al-Mandili. Hasil daripada analisis penstrukturan pola perkembangan dan penjelasan berkenaan elemen-elemen nafsu dapat diidentifikasikan (Sarantakos, 1993).

## 3. Analisis Kesahan Data

Kesahan adalah ketepatan, kebenaran, bermakna dan kebolegunaan instrumen yang membolehkan data-data diinferenkan (Fraenkel Jack. R & Norman. E. Wallen (1996) dalam Kamarul Azmi, 2012) dengan melakukan kaedah triangulasi (Moeloeng, 2007; Kamarul Azmi, 2012; Denzin, 1978), *member checking* dan *auditing* (Creswell, 2008). Oleh itu, analisis kandungan yang diperolehi mempunyai kepercayaan yang tinggi apabila triangulasi, *member checking* dan *auditing* dilakukan.

Menurut Creswell (2008) & Kamarul Azmi (2012) kaedah triangulasi menggunakan temu bual adalah satu kaedah untuk mengesahkan data analisis kandungan. Oleh itu, analisis kesahan data dilakukan dengan menemubual pakar, *member checking* dan semak silang (*cross-check*) data.

### i) Temu Bual

Temu bual separa berstruktur (Fotana & Frey, 1994; Merriem, 1998 dalam Normala, Mohamed Sharif & Roslee, 2005; Chua, 2006) dengan dua pakar iaitu pensyarah psikologi dan kaunseling

berkenaan elemen-elemen nafsu dalam teori psikoanalisis Sigmund Freud dan pakar Kitab Penawar Bagi Hati al-Mandili berkenaan elemen-elemen nafsu dalam KPBH al-Mandili. Temu bual dilakukan dengan sebilangan soalan formal yang telah dibina dan disahkan oleh pakar kualitatif (Chua, 2006) untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan (Bogdan & Biklen, 2003 dalam Kamarul Azmi, 2012).

## ii) *Member-Checking*

Dikenali sebagai maklum balas pengesahan peserta dan pengesahan responden dengan menyoal seorang atau lebih peserta dalam kajian untuk menyemak ketepatan laporan (Creswell, 2008) di mana ianya dapat mengawal kualiti dan membuat penambahbaikan kepada ketepatan data temu bual yang dicatat (Babour, 2001; Byrne, 2001; Coffey & Atkinson, 1996, Doyle, 2007; Lincoln & Guba, 1985 dalam Melissa & Patricia, 2012). Kaedah *member-checking* dilakukan dengan dua orang pensyarah yang ditemu bual berkenaan elemen-elemen nafsu teori psikoanalisis Sigmund Freud dan KPBH al-Mandili. Oleh itu, data temu bual yang diperolehi mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

## iii) *Rujuk Silang(Cross-Check) Data*

Juga dikenali sebagai pengauditan(*auditing*), iaitu melibatkan *external audit*(Creswell, 2008) untuk menulis ulasan berkenaan aspek-aspek yang berbeza berkaitan dengan kajian (Taylor & Bogdan, 1984) bagi memastikan ketepatan data yang diperolehi. Laporan yang telah dicatat dibandingkan dengan *external audit* supaya laporan yang dicatat dan difahami adalah sama. Hasil yang diperolehi daripada temu bual dengan tiga orang pensyarah, *member-checking* dan *cross-check* data yang dilakukan dapat mengesahkan data analisis kandungan dokumen. Oleh itu, data analisis kandungan yang diperolehi mempunyai kepercayaan yang lebih tinggi.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis kandungan dokumen yang telah dijalankan dan juga melibatkan kesahan data iaitu temu bual pakar, *member-checking* dan rujuk silang(*cross-check*) data, elemen-elemen nafsu dalam teori psikoanalisis Sigmund Freud dan KPBH al-Mandili yang setara dikenalpasti. Dapatan kajian mendapati bahawa Freud dan al-Mandili membicarakan berkenaan konsep nafsu yang mana Freud memahami aspek nafsu berdasarkan kepada id atau libido dan al-Mandili memahami aspek nafsu berdasarkan kepada nafsu. Id atau libido menurut Freud dan hawa nafsu menurut al-Mandili dilihat memainkan peranan dalam memberi keseronokan kepada seseorang.

Menurut Freud, desakan terhadap naluri atau libido wujud dalam diri kanak-kanak sejak dilahirkan lagi dan menjadi kekuatan jiwa kepada seseorang. Sebagai tenaga atau kekuatan, libido yang berada dalam alam bawah sedar berusaha untuk memenuhi keperluan manusia dengan mendorong untuk mendapatkan kepuasan dan keseronokan tersebut bagi mencapai keseimbangan dalam badan. Keseimbangan diperolehi apabila manusia dapat memenuhi desakan naluri.

Desakan naluri yang wujud dalam alam bawah sedar digerakkan oleh daya tenaga yang dimiliki oleh id. Peranan yang dimiliki oleh id adalah begitu besar dalam mempengaruhi kehidupan seseorang. Ini kerana, ianya bertindak sebagai asal semua daya tenaga bagi tenaga dalam minda. Selain itu, ianya merupakan gedung simpanan yang mengandungi naluri dan seksual di bawah sedar, naluri agresif, segala dorongan dan tenaga. Oleh itu, Freud melihat manusia sebagai makhluk seksual yang didorong oleh desakan nafsu dan berusaha memuakan kehendak nafsu tanpa mempedulikan bagaimana hendak memperolehinya. Naluri dan seksual

menurut perspektif Freud adalah keinginan seks, keinginan untuk meneruskan kehidupan dan sebagainya sehingga dapat dikatakan keinginan-keinginan ini adalah sumber kehidupan. Konsep id ini jelas bertentangan dengan konsep superego yang lebih bermatlamatkan nilai moral dan etika sosial yang diterima masyarakat.

Selari dengan Dennis & John (2012), Gregory & Erika (2012), Gregory & Erika, (2010), Azlina (2005), Freud (1965), Lawrence & Daniel (2010), Ronald & Elizabeth (2011) dan Ann et al., (2013) mendapati bahawa asas kepada personaliti manusia menurut Freud adalah libido dan manusia adalah makhluk yang sentiasa memenuhi keinginan dan kehendak iaitu cuba memaksimumkan keseronokan dan melaksanakan keseronokan dalam bentuk material. Teori psikoanalisis Sigmund Freud memberi penekanan kepada aspek id. Menurut Freud, id memberi potensi keseronokan dengan memenuhi keinginan dalam bentuk material. Apabila tuntutan id dipenuhi, manusia akan tenang (Ann et al., 2013; Azlina, 2005).

Dari perspektif al-Mandili, potensi nafsu yang berada dalam *qalb* sangat penting bagi membolehkan kewujudan dan kelangsungan hidup (Ramli, 2008). Namun, apabila manusia berkiblatkan hawa nafsu yang bersifat keseronokan semata-mata, ianya akan menyebabkan manusia cenderung untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu dan melanggar peraturan Allah SWT. Sehubungan itu, al-Mandili melihat nafsu boleh membawa kepada perkara negatif, menjadikan manusia makhluk yang ingin memenuhi keinginan dan keseronokan semata-mata. Tambahan lagi, apabila nafsu keseronokan tidak dikawal, ianya boleh membawa kepada personaliti tercela.

Hal ini selari dengan pandangan al-Ghazali berkenaan *nafs al-Ammarah* iaitu salah satu daripada tiga jenis nafsu yang dikategorikan oleh al-Ghazali. Beliau menjelaskan bahawa *nafs al-Ammarah* adalah nafsu yang mendorong manusia kepada kejahatan (al-Ghazali, 1996; al-Ghazali, 1988; al-Ghazali, t.th). *Potensi nafs al-Ammarah ini sentiasa menghantar mesej berbentuk desakan kepada manusia untuk memenuhi keperluan dan kehendak dalam bentuk material bagi mencapai kepuasan dan keseronokan hidup dalam bentuk fizikal. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran:*

وَمَا أُبْرِي نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ

*Ertinya: "Dan tiadalah Aku berani membersihkan diriku; Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan"*  
(Yusuf, 12:53)

Menjelaskan berkenaan nafsu berdasarkan pandangan al-Mandili, pakar KPBH al-Mandili mengesahkan bahawa nafsu boleh memenuhi kepuasan dan keseronokan. Dalam hal ini, beliau menjelaskan bahawa:

*"Setiap diri manusia mempunyai dua tarikan iaitu iman dan nafsu syaitan bahkan ada hadis-hadis yang selaras dengan perkara ini. Namun, nafsu dalam diri manusia dipengaruhi sama ada dari sudut kemalaikatan atau kesyaitanan. Apabila manusia dipengaruhi oleh pengaruh yang buruk, ianya adalah pengaruh syaitan. Huraian al-Mandili berkenaan nafsu adalah seiring dengan ahli-ahli tasawuf lain".*

Dalam hal ini, al-Mandili mendatangkan contoh nafsu makan. Manusia yang tidak mengawal nafsunya terhadap makanan boleh mendatangkan kemudaratan dan kebinasaan kepada diri. Menurut al-Mandili, perut merupakan punca bagi segala kejahatan kerana perut tempat keluarnya segala keinginan seksual. Apabila manusia menuruti nafsu, keseronokan seksual akan diperoleh.

Menurut al-Mandili, apabila seseorang makan secara berlebihan boleh menyebabkan cenderung untuk kenyang. Sehubungan dengan itu, kekenyangan akan membawa kepada beberapa kebinasaan seperti (Noraine, 2013; Mandili, 1964):

- i. Hati menjadi keras.
- ii. Anggota zahir cenderung pada melakukan perkara yang sia-sia dan kejahatan.
- iii. Menghilangkan kecerdikan, kepintaran dan melemahkan otak dalam memahami sesuatu pengetahuan.
- iv. Badan menjadi lemah dan memberi potensi untuk menghadapi obesiti, selalu mengantuk dan malas untuk melakukan ibadah.
- v. Hilangnya kemanisan dalam melakukan ibadah.
- vi. Mudah untuk jatuh kepada perkara yang haram dan syubhat.
- vii. Menyusahkan hati dan memenatkan badan pada mencari, menyediakan, memakannya dan melepaskan daripada mudaratnya.
- viii. Kematian menjadi satu kesakitan dan kesusahan bagi orang yang kenyang kerana keseronokan baginya adalah kesedapan di dunia.
- ix. Mengurangkan pahala akhirat dan dihisab di akhirat.

Oleh itu, jika perut tidak dijaga dan sentiasa mengikut nafsu untuk memenuhi tuntutan dan kehendaknya, maka boleh melahirkan personaliti tercela. Sebaliknya pula, apabila perut dipelihara daripada makanan yang haram dan makruh, manusia dapat menyelamatkan dirinya daripada memenuhi tuntutan dan kehendak nafsu yang boleh membawa kepada kebinasaan. Sebagaimana Nabi saw juga mencela sifat terlampau kenyang berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al- Bukhari dan Muslim menyatakan:

*“Bermula orang yang sempurna iman, memakan ia pada satu perut dan orang yang kafir, makan ia pada tujuh perut, memada akan anak cucu Adam beberapa suap yang membetulkan akan tulang belakangnya. Jika ada ia menuntut tambah dan tak dapat tiada daripada menambah, maka sepatutnya sepertiga bagi makanan dan sepertiga bagi minuman, dan sepertiga bagi mengeluarkan nafas”* [Sahih, Kitab al-At’imah, Bab al-Mu’min Ya’kulu fi Ma’i Wahid 3: 293; Muslim, Sahih, Kitab al-Ashribah, Bab al-Mu’min Ya’kulu fi Ma’i Wahid wa al-Kafir Ya’kulu fi Sab’at Amca, 6:132].

Sebagaimana al-Mandili, Freud juga melihat kepentingan nafsu. Walau bagaimanapun, Freud tidak menggunakan istilah nafsu. Konsep nafsu menurut Freud yang setara dengan al-Mandili adalah pada libido atau id. Freud menyentuh tentang potensi libido atau id dalam bentuk memberi keseronokan dan kepuasan dengan memenuhi keinginan dalam bentuk material. Ini menunjukkan bahawa konsep nafsu dalam KPBH al-Mandili dan teori psikoanalisis Freud adalah setara berdasarkan konsep keseronokan, namun manusia menurut al-Mandili bukan makhluk hidup yang dikendalikan oleh nafsu semata-mata tetapi sebaik-baik ciptaan Allah SWT.

Nafsu adalah fitrah manusia yang memerlukan pasangan hidup antara lelaki dan perempuan sebagai pelengkap kebahagiaan diri serta kesejahteraan generasi seterusnya. Hubungan seksual juga secara saintifik menunjukkan kitaran hormon manusia menjadi lebih stabil melancarkan system biologi tubuh manusia (Mizan Adiliah, Wan Mohd Fazrul Azdi & Hanit, 2012). Bagi merealisasikan hubungan seks secara halal adalah perkahwinan. Dalam sebuah hadis Rasulullah saw pernah bersabda yang mafhumnya, “kemuliaan seseorang Mukmin itu adalah kerana agamanya, maruahnyanya adalah terletak pada akalnyanya dan

kedudukannya adalah bergantung kepada akhlakunya”. Sebagaimana Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya dan rahmatNya, Bahawa Dia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan- keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”.

(al-Rum, 30:21)

Sehubungan itu, seseorang mukmin perlu menjaga kemuliaannya dan menjaga akidah, akhlak, tingkah laku, menjauhi kemungkaran dan tidak mendatangkan kemudharatan kepada orang lain. Walaupun nafsu merupakan faktor survival yang membolehkan manusia untuk meneruskan hidup, namun apabila nafsu diutamakan ianya boleh mendorong manusia kepada kejahatan dan kemurkaan Allah SWT. Oleh itu, Islam menganjurkan pernikahan untuk menghalalkan hubungan dan memenuhi tuntutan nafsu syahwat. Walau bagaimanapun, pernikahan bukanlah untuk memenuhi tuntutan nafsu syahwat semata-mata. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Elemen nafsu menurut Sigmund Freud dan al-Mandili boleh digunapakai oleh ahli psikologi Islam berkaitan keinginan untuk memenuhi keseronokan dan kepuasan dalam hidup. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah adalah berbeza iaitu al-Mandili menggunakan istilah hawa nafsu dan Freud pula menggunakan istilah libido atau id.

Persamaan konsep nafsu yang telah dihuraikan menurut al-Mandili dan Freud dapat dilihat dalam Rajah 1 di mana nafsu adalah berpotensi memberikan keseronokan kepada manusia. Potensi ini dapat memenuhi desakan untuk mendapatkan kepuasan dan keseronokan yang menjadikan manusia makhluk bernyawa dapat memenuhi keinginannya.



Rajah 1: Konsep nafsu menurut Freud dan al-Mandili

Rajah 1 menunjukkan konsep nafsu menurut Freud dan al-Mandili. Berdasarkan rajah, dapat difahami bahawa apabila desakan hawa nafsu atau id atau libido dipenuhi, seseorang akan memperoleh kepuasan dan keseronokan. Seterusnya dizahirkan keseronokan tersebut dalam bentuk fizikal dan material. Walau bagaimanapun, apabila diri manusia dipengaruhi oleh keseronokan yang tidak dikawal, ianya mudah mengikut hasutan syaitan bagi memuaskan kehendak dengan melakukan perkara-perkara yang dilarang dan bertentangan dengan agama



dan moral masyarakat. Kepuasan tersebut ditonjolkan secara material sejurus menjadikan manusia makhluk bernyawa yang sentiasa memenuhi keinginan untuk meneruskan hidup dan merasai keseronokan.

Apabila manusia mengutamakan nafsu ianya boleh mendorong kepada kejahatan dan pembentukan karakter negatif. Walau bagaimanapun, nafsu adalah faktor survival yang membolehkan manusia tertarik kepada sesuatu di alam fizikal seperti kemahuan untuk makan, minum dan perkahwinan dengan tujuan meneruskan kewujudan dan kelangsungan hidup untuk mencapai keredhaan Allah SWT. Namun, manusia yang sering menuruti hawa nafsu sehingga menjadikan nafsu sebagai Tuhan boleh menyebabkannya lalai serta mendapat kemurkaan Allah SWT. Dalam hal ini, al-Mandili berkata:

“... dan hawa nafsu menyeru ia kepada kejahatan”  
(Mandili, 1964: 22; Noraine, 2013: 57)

Sebagaimana firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُرْسِلُ سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يُجْعَلُهُمْ رُكَّامًا فَتَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَالِهِ وَيُنَزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَصْرِفُهُ عَنِ مَن يَشَاءُ يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِ يَذْهَبُ بِالْأَبْصَرِ يُقَلِّبُ اللَّهُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي الْأَبْصَارِ

Ertinya: “Nampakkah (Wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya: Tuhan yang dipuja lagi ditaati?. Maka dapatkah engkau menjadi pengawas yang menjaganya jangan sesat?. Atau adakah engkau menyangka bahawa kebanyakan mereka mendengar atau memahami (apa yang engkau sampaikan kepada mereka)?. Mereka hanyalah seperti binatang ternak, bahkan (bawaan) mereka lebih sesat lagi”

(al-Furqan, 24:43-44)

Oleh itu, dapat difahami bahawa hawa nafsu atau id adalah elemen penting dalam mencapai keseronokan hidup di dunia. Namun, apabila manusia hidup berpandukan nafsu syaitan semata-mata, ianya akan membawa kerosakan kepada personaliti dan mendorong serta manusia cenderung untuk melakukan kejahatan. Ini kerana manusia sentiasa ingin memuaskan hawa nafsunya dan selalu taat serta tunduk padanyadengan tujuan memperolehi kepuasan dan keseronokan. Hal ini akan terus terjadi apabila manusia tidak berusaha untuk menekan keinginan tersebut daripada dijadikan panduan hidup.

Keinginan ini dapat dihilangkan dengan menggunakan pendekatan mengosongkan keinginan nafsu dan mengisinya dengan sikap-sikap terpuji. Dalam istilah tasawuf, ianya dinamakan konsep *tahalli* dan *takhalli* (Che Zarrina & Sharifah Basirah, 2012; Fariza 2002; Sacid Hawwa, 1979). Konsep ini tidak mudah dilakukan kerana manusia terpaksa menahan kehendak nafsu yang dipengaruhi syaitan untuk melakukan kejahatan. Namun, ianya mudah dilakukan apabila kehendak dan keinginan tersebut disekat.

Dapatan ini disokong kajian Abdul Syakur (2007) yang mendapati bahawa id atau libido yang dimaksudkan oleh Freud adalah nafsu yang mendorong seseorang untuk mendapatkan keseronokan sehinggakan Freud melihat manusia sebagai makhluk bernyawa yang sentiasa memenuhi keinginan dan sumber kehidupan. Dorongan nafsu syaitan adalah penghalang dan penghapus kepada seseorang untuk melakukan kebaikan kerana manusia lebih cenderung untuk memenuhi keinginan syahwat dan keseronokan hidup di dunia.

Zaini et al., (2004) selari dengan ulasan Pakar KPBH al-Mandili berkenaan nafsu iaitu nafsu mempunyai dua kekuatan iaitu kekuatan kejahatan dan kekuatan kebaikan. Hal ini juga bertepatan dengan firman Allah SWT dan pandangan al-Ghazaliberkenaan nafsu dengan

mengkategorikan nafsu kepada tiga peringkat iaitu *nafs al-Ammarah* (Yusuf, 12:53), *nafs al-Lawwamah* (al-Qiyamah, 75:1-2) dan *nafs Mutmainnah* (al-Fajr, 89:27-30) (al-Ghazali, 1996; al-Ghazali, 1988; al-Ghazali, t.th).

Pakar KPBH al-Mandili yang ditemu bual juga turut mengesahkan nafsu adalah keinginan yang dimiliki oleh manusia. Dalam hal ini, beliau menjelaskan bahawa nafsu manusia dibahagikan kepada dua iaitu nafsu bersih dan nafsu kotor. Beliau menyatakan bahawa:

*“Apabila nafsu bersih, ianya banyak terpengaruh dari aspek-aspek ilham kemalaikatan manakala apabila nafsu kotor, ianya banyak menyerap masuk aspek-aspek kesyaitanan” (Abdul Manam, 2014).*

Dapatan ini juga disokong oleh kajian Nasaruddin et al., (2012) yang mendapati bahawa nafsu cenderung menjadikan remaja seksual sebagai cara untuk menyatakan perasaan cinta dan kasih sayang kepada pasangan. Apabila remaja mula aktif melakukan hubungan seksual bersama pasangan, kepuasan dan kasih sayang dapat dipenuhi dan seks dapat dinikmati oleh remaja tersebut.

Sehubungan itu, nafsu yang diketengahkan oleh Freud dan al-Mandili berpotensi kepadakeinginan untuk mencapai keseronokan. Walau bagaimanapun, istilah yang digunakan oleh Freud ialah id atau libido dalam minda bawah sedar manakala al-Mandili menggunakan istilah hawa nafsu dalam *qalb*. Ini menunjukkan bahawa konsep nafsu dalam KPBH al-Mandili dan teori psikoanalisis Freud adalah setara dan sesuai digunapakai oleh ahli psikologi Islam.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, Freud dan al-Mandili membicarakan berkenaan elemen nafsu yang mana ianyaberpotensi memberi keseronokan dan seksual manusia. Walau bagaimanapun, Freud memahami elemen nafsu berdasarkan kepada potensi id atau libido yang berada dalam minda bawah sedar dan al-Mandili memahami elemen nafsu berdasarkan kepada hawa nafsu dalam *qalb* sebagai potensi yang cenderung menjadikan manusia bersifat seksual.

Justeru, umat Islam terutama ahli psikologi dan kaunseling Islam hendaklah mengambil manfaat daripada penghasilan kajian ini seterusnya melakukan kajian berkenaan analisis terhadap teori-teori barat dalam kitab-kitab Nusantara hendaklah diteruskan terhadap kitab-kitab Arab lain samada yang sudah diterjemah atau sebaliknya seperti *Ayyuha al-Walad*, *al-Arbacin fi Usul al-Din* dan sebagainya. Seterusnya menerbitkan kitab-kitab tersebut dalam versi baru yang lebih menarik dengan mengetengahkan metode rawatan jiwa untuk manfaat masyarakat.

Sumbangan hasil kajian ini diharapkan dapat menyedarkan pihak pusat Islam selaku badan yang dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan sebanyak mungkin kitab-kitab Jawi yang terdapat di Alam Melayu dalam bentuk yang lebih baik dari sudut metodeologi penulisan dan sebagainya. Usaha ini dapat meyedarkan sebahagian ahli psikologi Islam bahawa KPBH al-Mandili mengetengahkan metode rawatan jiwa dan boleh diaplikasi semasa mengaplikasikan pendekatan psikoanalisis Sigmund Freud.

Adalah diharapkan kepada ahli psikologi dan kaunseling Islam khususnya dan pihak berwajib supaya mencari alternatif ke arah mempelbagaikan kajian-kajian dalam bidang ini supaya ahli psikologi Islam tidak berada dalam dilema dan semua kekeliruan dalam kalangan ahli psikologi Islam terjawab. Sebagaimana Malik Badri menghuraikan berkenaan hal ini dalam bukunya *The Dilema of Muslim Psychologists*.

Hasil kajian yang dilakukan mendapati id atau libido dalam minda bawah sedar dan hawa nafsu dalam *qalb* merupakan elemen-elemen yang berpotensi membawa manusia kepada

keseronokan. Tambahan lagi, elemen-elemen ini merupakan faktor survival manusia untuk meneruskan hidup. Namun, apabila elemen ini tidak dikawal, ianya akan membawa kepada kebinasaan dan kerosakan kepada manusia. Oleh yang demikian, kajian ini dapat merungkai kekeliruan teori Barat dan Islam dalam kalangan ahli psikologi Islam dan menyelesaikan dilema berkenaan teori psikoanalisis Sigmund yang mempunyai persamaan dengan psikologi Islam.

## RUJUKAN

- Abdul Manam Mohamad. (2014, 15 September). Pakar Kitab Penawar Bagi Hati (KPBH) al-Mandili. Temu bual dengan beliau di Kampus UniSZA. Kuala Terengganu.
- Ahmad Sunawari Long. (2005). Pengenalan Metodeologi Penyelidikan Pengajian Islam. Selangor: UKM.
- Alan, B. (2004). *Social Research Methods*. Oxford: Oxford University Press.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (t.th). *Ihya' „Ulum al-Din*. 4 juzuk. Takhrij Hadis oleh al-cIraqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-cArabi.
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad Abi Hamid. (1996). *Mukhtasar Ihya' „Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Ghazali. (1988). *Ihya' Ulumiddin Atau Mengembangkan Ilmu-Ilmu Agama*. J: 1, terjemahan TK.
- al-Quran al-Karim.
- Artikel yang dibentang dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Puteri Resort, Melaka.
- Che Zarrina Sa'ari., & Sharifah Basirah Syed Muhsin. (2012). Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah al-Nafs. *Jurnal Usuluddin*, 36, 49-74.
- Chua, Yan Piaw. (2006). *Kaedah & Statistik Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd.
- Corey, G. (2009). *Theory And Practice Of Counseling And Psychotherapy* (8th ed). America: Thomson Book.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research* (3th ed). United States: Pearson Education.
- Dennis, C., & John, O. M. (2011). *Psychology: A Journey*. United States: Wadsworth Cengage Learning.
- Dennis, C., & John, O. M. (2012). *Introduction to Psychology: Active Learning Through Modules Twelve Edition*. United States: Wadsworth Cengage Learning.
- Denzin, N. K. (1978). *The Research Act: A theoretical In Sociological Methods*. New York: McGraw Hills.
- Fariza Md. Sham, Salasiah Hanin Hamjah, & Mohd Jurairi Sharifudin. (2013). Personaliti dari Perspektif al-Ghazali (cet ke-2). Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md. Sham. (2002, 17-19 Ogos). Hubungan Antara Ilmu Psikologi Dengan Tasawuf. Kertas kerja yang dibentang dalam Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tarekat Tasauf, Hotel Hilton, Seremban.
- Freud, S. (1965). *New Introductory Lectures on Psychoanalysis* (James Strachey, Penterjemah).
- Gregory, J. F., & Erika, L. R. (2010). *Psychology Making Connections*. New York: McGraw-Hill Higher Education.
- Gregory, J. F., & Erika, L. R. (2012). *Psychology: Perspective & Connections* (2nd ed). New York: McGraw-Hill.
- H. Ismail Yakub MA-SH. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Hafiah Yusuf. (2014, 23 September). Penserah Teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Temu bual dengan beliau di Kampus UniSZA. Kuala Terengganu.
- Johor: UTM.

- Kamarul Azmi Jasmi. (2012, 28-29 Mac). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif.
- Kolbacher. (2006). The Use of Qualitative Analisis kandungan in Case Study Research. Dicapai pada 7 Julai 2014 daripada <http://www.qualitative-research.net/index.php/fqs/article/view/75/153January%202006>.
- Krippendorff, K. (2004). Content Anlysis An Introduction to Its Methodology. London: Sage Publication Ltd
- Lawrence, A. P., & Daniel, C. (2010). Personality: Theory and Research (11th ed). Asia: John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd.
- Maghfur Ahmad. (2011). Agama dan Psikoanalisa Sigmund Fried. Religia Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman, 14,(2), 145-318.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1990). Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (1987). Tasawuf: Sejarah Perkembangan dan Persoalan. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.
- Malik Badri. (1979). The Dilemma Of Muslim Psychologists. London: Mwh London Publishers. Mandili, Abdul Qadir. 1964. Penawar Bagi Hati. Yala: Sahabat Press.
- Melissa, H., & Patricia, C. (2012). Member Checking: Can Benefits Be Gained Similar to Group Therapy, The Qualitative Report. Dicapai pada 24 Disember 2014 daripada <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR17-2/harper>.
- Mohd Rahim Ariffin. (2014, 23 September). Pensyarah Teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Temu bual dengan beliau di Kampus UniSZA. Kuala Terengganu.
- Moleong, L. J. (2007). Metodeologi Penelitian Kualitatif. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya Offset.
- Nasruddin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim & Mohd Suhaimi Mohamad. (2012). Hubungan Seksual Remaja: Antara Cinta Dan Nafsu. E- Bangi Journal of Social Sciences and Humanities, 7(1).  
New York: W. Nortan.
- Noormala Ali, Mohamed Sharif Mustafa & Roslee Ahmad. (2005, 21-23 Ogos). Pendekatan Temubual Sebagai Metode Kajian Kes Dalam kalangan Pelajar Terhadap Bimbingan Dan Kaunseling. Dalam 3rd International Qualitative Research Convention, Sofitel Palm Resort, Johor Bahru.
- Noraine Abu. (2013). Terjemahan Penawar Bagi Hati. Selangor: Al-Hidayah Publications.
- Noraini Idris. (2010). Penyelidikan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Othman Lebar. (2006). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode. Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Mohamed. (2001). Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan. Selangor: UPM.
- Patton, M. Q. (1990). Qualitative Evaluation Methods. SAGE: Beverly Hills.
- Ramli Awang. (2008). Syeikh Abdul Qadir al-Mandili (1910-1965): Biografi & Pendidikan Akhlak.
- Rohana Hamzah. (2010). Mengenal Manusia: Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti. Johor: UTM.
- Rohana Yusuf. (2003). Penyelidikan Sains Sosial. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ronald, C., & Elizabeth, G. (2011). Psychology Around Us. United States: John Wiley & Sons.
- Sacid Hawwa. (1979). Jund Allah Thaqafah wa Akhlaqan. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyah.
- Sabitha, Merican. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin. (2011). Teori Kaunseling dan Psikoterapi (ed. ke-2). Negeri Sembilan: USIM.

- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin. (2012). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi* (ed. ke-3). Negeri Sembilan: USIM.
- Sarantakos, S. (1993). *Social Reasearch*. Australia: Macmillan Education
- Sekan, U., & Bougie, R. (2010). *Research Methods for Business*. New York: John Wiley & Sons Ltd.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. (2002). *Teori Personaliti Dari Perspektif Islam, Timur & Barat*. Pahang: Pts Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Shamsul Mohd Nor. (2012). *Menyelami Samudera Tasawuf*. Selangor: BatuYamani Angle Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Taylor, S. J, & Bodgan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings* (2nd ed.). Toronto: John Wiley and Sons.
- Yatimah Sarmani & Mohd Tajudin Ninggal. (2008). *Teori Kaunseling al-Ghazali*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaini Zaid, Yusmini Yusuf, Noor Risliah Samsuddin, Rohaya Arshad, & Noor Ain Hassan. (2004, 25-26 Mei). *Psikologi Menurut Perspektif Islam: Satu Sinopsis*. Kertas kerja yang dibentang di Simposium Sains Kesihatan Kebangsaan Ke-5, Putrajaya.